

D507

U B104 AAB  
MAHATHIR - PENGANGGURAN

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) --- KERAJAAN SEDIA MEMBENARKAN PELABUR-PELABUR ASING MENUBUHKAN SYARIKAT YANG SAHAMNYA DIMILIKI SEPENUHNYA OLEH MEREKA ASALKAN SYARIKAT BERKENAAN DAPAT MEWUJUDKAN BANYAK PEKERJAAN.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA INI MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN MASALAH PENGANGGURAN YANG KINI MELIBATKAN KIRA-KIRA 570,000 ORANG.

+KITA TIDAK KIRA SAMA ADA SYARIKAT INI DIMILIKI 100 PERATUS OLEH PELABUR ASING DAN RAKYAT MALAYSIA TIDAK DAPAT MEMILIKI SAHAM DI DALAMNYA ASALKAN BILANGAN PEKERJANYA BANYAK,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KONVENSYEN KESEMBILAN PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA DI SINI.

DALAM UCAPANNYA SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN PELABURAN SWASTA DALAM NEGERI MENINGKAT, PENGANGGURAN DIJANGKA MENJANGKAU ANGKA 570,000 ORANG ATAU 9.1 PERATUS DARIPADA TENAGA PEKERJA.

KATANYA, ANTARA LANGKAH-LANGKAH KONKRIT YANG TELAH DIAMBIL UNTUK MENGURANGKAN MASALAH INI IALAH DENGAN MENAMBAH DAYA TARIKAN UNTUK PELABUR-PELABUR ASING MENERUSI KELONGGARAN SYARAT-SYARAT SERTA MENGADAKAN SEMINAR-SEMINAR UNTUK PELABUR-PELABUR DARI NEGARA-NEGARA ARAB, TAIWAN, JEPUN, KOREA, AMERIKA SYARIKAT DAN EROPAH. -- LAGI  
1210MST 17 11 87

U B105 AAB  
MAHATHIR - PENGANGGURAN 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PELABURAN SWASTA YANG TERHAD KEPADA BEBERAPA BIDANG TERTENTU SAHAJA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PELABUR-PELABUR PERLU MELUASKAN JENIS-JENIS PERNIAGAAN MEREKA.

PADA MASA INI, KATANYA, MEREKA BERGANTUNG KEPADA PERNIAGAAN YANG TERHAD SEPERTI DI DALAM SEKTOR PERTANIAN, KEWANGAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN.

+KERAJAAN MAHU MELIHAT MEREKA MENCUBA INDUSTRI-INDUSTRI BARU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK PERLU +MENGEJUTKAN+ PELABUR-PELABUR INI BERBUAT DEMIKIAN TETAPI SEKADAR MEMBERI PERINGATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH LAIN KE ARAH MENURUNKAN KADAR PENGANGGURAN IALAH DENGAN MENINJAU KEMUNGKINAN MENGURANGKAN SIKIT GAJI BAGI KAKITANGAN KERAJAAN YANG BARU HENDAK MEMASUKI PERKHIDMATAN. -- LAGI  
1211MST 17 11 87

U B106 AAB  
MAHATHIR - PENGANGGURAN 3 KUALA LUMPUR

+KERAJAAN TERPAKSA MEMBAYAR KURANG SIKIT UNTUK PEKERJA-PEKERJA BARU B A G S MEMBOLEHKANNYA MENGAMBIL LEBIH RAMAI LAGI,+ KATANYA. KALAU DENGAN TAHAP GAJI YANG A D A SEKARANG, KERAJAAN MUNGKIN TIDAK DAPAT MENGAMBIL LEBIH RAMAI PEKERJA DAN RAMAI PULA YANG AKAN MENGANGGUR, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KAJIAN MENGENAI KEMUNGKINAN MENURUNKAN TAHAP GAJI PEKERJA-PEKERJA BARU MASIH BELUM SIAP.

MENGENAI LEBIH 180,000 KEKOSONGAN YANG TERDAPAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM PADA MASA INI, PERDANA MENTERI BERKATA IANYA TIDAK MENJEJASKAN PRESTASI JENTERA KERAJAAN.

+PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN SEDANG BERGERAK DENGAN BAIK, WALAUPUN TERDAPAT KEKOSONGAN-KEKOSONGAN INI,+ KATANYA. -- LAGI  
1213MST 17 11 87

U B107 AAB

MAHATHIR - PENGANGGURAN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PADA MASA INI TIDAK MEMBOLEHKANNYA MENGISI KEKOSONGAN-KEKOSONGAN ITU.

APABILA DITANYA SAMPA ADA INI BERMAKNA +OPERASI ISI PENUH+ AKAN DIHENTIKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA GERAKAN ITU TELAH LAMA DIHENTIKAN.

KATANYA, KESANGGUPAN PARA MAHASISWA MENGANGGUR MENERIMA GAJI \$600 SEBULAN JUGA DAPAT MEMBANTU MENGURANGKAN KADAR PENGANGGURAN.

+JIKA MEREKA MASIH MENEKAN MAHUKAN GAJI SEPERTI BIASA, SAYA YAKIN TIDAK RAMAI AKAN DIAMBIL BEKERJA,+ KATANYA. -- BERNAMA  
1214HST 17 11 87